



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

NO SEBUT HARGA: JAKIM (B) BIL.6/2018

**DOKUMEN SEBUT HARGA
PERKHIDMATAN MENJAHIT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN
MEMASANG LANGSIR DAN RAILING/TREK LANGSIR DI
ASRAMA DARUL QURAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM
MALAYSIA (JAKIM)**

**PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN MEMAHAMI
BUTIRAN YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN SEBUT
HARGA SEBELUM MENGISIKANNYA**

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. PERIHAL SEBUT HARGA

Sebut Harga ini bertujuan mendapatkan Perkhidmatan Menjahit, Membekal, Menghantar dan Memasang Langsir dan Railing/Trek Langsir di Asrama Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

2. SKOP TUGAS

Penyebut harga yang berjaya akan bertanggungjawab untuk :-

- a. Pembekal adalah dikehendaki memberi Perkhidmatan Menjahit, Membekal, Menghantar dan Memasang Langsir dan Railing/Trek Langsir di Asrama Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- b. Lokasi dan alamat penghantaran keperluan perkakasan adalah seperti di **Lampiran G**. Sebarang perubahan lokasi sekiranya ada akan dimaklumkan dan ditentukan kemudian.
- c. Spesifikasi terperinci bagi perkhidmatan yang dinyatakan adalah seperti di dalam **JADUAL TEKNIKAL (Lampiran A)** dan **JADUAL TAWARAN HARGA (Lampiran B)**.

3. DOKUMEN SEBUT HARGA

Sebut Harga hendaklah dibuat di atas borang-borang yang telah disediakan dan selepas ini dipanggil Dokumen Sebut Harga. Dokumen ini dibahagikan kepada empat (4) bahagian seperti berikut:

BIL	PERKARA		
1.	Bahagian I	-	Syarat-Syarat Wajib dan Am Sebut Harga
2.	Bahagian II	-	Skop Perkhidmatan: <u>Lampiran A</u> - Jadual Spesifikasi Teknikal Dokumen-dokumen sokongan teknikal
3.	Bahagian III	-	Skop Harga: <u>Lampiran B</u> - Jadual Harga Sebut Harga <u>Lampiran Q</u> - Arahan Perbendaharaan 170
4.	Bahagian IV	-	Senarai lampiran yang lain: <u>Lampiran C</u> - Latar Belakang Syarikat <u>Lampiran D</u> - Pengalaman Kerja dalam bidang berkaitan <u>Lampiran E</u> - Borang Akuan Sebut Harga <u>Lampiran F</u> - Surat Akuan Pembida <u>Lampiran G</u> - Jadual Lokasi Penghantaran

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

BIL	PERKARA
	<p><u>Lampiran H</u> - Profil Syarikat <u>Lampiran I</u> - Penyata Akaun Bank untuk tiga bulan terkini (Januari, Februari dan Mac 2018) yang telah disahkan oleh pihak bank) <u>Lampiran J</u> - Borang 24 <u>Lampiran K</u> - Borang 49 <u>Lampiran L</u> - Salinan Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). <u>Lampiran M</u> - Salinan Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan. Jika penyebutharga ada membuat permohonan pembaharuan pendaftaran Kementerian Kewangan, penyebutharga hendaklah mengemukakan salinan slip/ akaun pengesahan pembaharuan pendaftaran dari Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa permohonan lanjutan telah dibuat.</p> <p><u>Lampiran R</u> - <i>Broucher</i> Cadangan Perkakasan. <u>Lampiran S</u> – Cadangan Jadual Pelaksanaan</p>

4. CARA-CARA MENGGISI BORANG SEBUT HARGA

- 4.1 Penyebut harga hendaklah membaca dan memahami arahan-arahan dan syarat dalam dokumen Sebut Harga serta menyemak kandungan dokumen Sebut Harga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang Sebut Harga.
- 4.2 Borang Sebut Harga hendaklah diisi dengan **lengkap dan jelas** mengikut ruangan yang disediakan. Borang-borang tersebut hendaklah ditaip dan yang ditulis dengan tangan mestilah terang dan boleh dibaca dengan jelas.
- 4.3 Lampiran Yang Perlu Diisi:

4.3.1 **Lampiran A: Jadual Spesifikasi Teknikal**

- 4.3.1.1 Jadual spesifikasi Teknikal ini adalah merupakan semua jenis item beserta spesifikasi yang dikehendaki oleh pihak DARUL QURAN, JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA. Setiap item adalah mandatori. Kegagalan penyebut harga untuk mengemukakan salah satu item boleh menyebabkan tawaran Sebut Harga ini ditolak.
- 4.3.1.2 Setiap item adalah mandatori dan penyebut harga dikehendaki mengisi setiap item mengikut kemampuan membekalkan item tersebut. Sila nyatakan 'YA' atau 'TIDAK' bagi setiap jenis item mengikut kemampuan membekal penyebut harga.

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

- 4.3.1.3 Penghantaran dokumen selepas tarikh tutup Sebut Harga ini tidak akan dipertimbangkan.
- 4.3.1.4 Penyebut harga yang mengemukakan lebih dari satu tawaran bagi item yang sama dalam satu borang tawaran tidak akan dipertimbangkan.
- 4.3.1.5 Sebut Harga hendaklah ditawarkan bagi semua bilangan item. Sebut Harga yang ditawarkan bagi sebahagian bilangan item tidak akan dipertimbangkan.
- 4.3.1.6 Tawaran penyebut harga yang tidak mematuhi mana-mana syarat yang ditetapkan bagi Sebut Harga ini tidak akan dipertimbangkan.

4.3.2 Lampiran B: Jadual Harga

- 4.3.2.1 Penyebut harga wajib mengisi setiap item. Kegagalan mengisi harga bagi setiap item akan menyebabkan tawaran Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.
- 4.3.2.2 Penyebut harga wajib mengisi dan menandatangani borang ini. Kegagalan mengisi dengan lengkap dan menandatangani borang ini akan menyebabkan tawaran penyebut harga menjadi tidak sah/laku dengan sendirinya.
- 4.3.2.3 Penyebut harga yang berjaya diterima tidak boleh mengenakan kadar harga yang berasingan atau kos tambahan terhadap perkara di atas.
- 4.3.2.4 Borang ini perlu ditandatangani dan dicop oleh individu yang diberikuasa oleh syarikat sebagai penyebut harga. Borang yang tidak bertandatangan dan **bercop akan ditolak**.

4.3.3 Lampiran C: Latar Belakang Syarikat

- 4.3.3.1 Penyebut harga adalah dikehendaki mengisi dengan lengkap ruangan-ruangan yang disediakan dalam borang ini dan menyertakan semua dokumen sokongan yang diperlukan.

4.3.4 Lampiran D: Rekod Pengalaman Berkaitan

- 4.3.4.1 Penyebut harga hendaklah menyatakan pengalaman yang ada dalam bidang perkhidmatan dan pembekalan terutamanya yang berkaitan dengan Sebut Harga ini.

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

4.3.5 Lampiran E: Borang Akuan Sebut Harga

- 4.3.5.1 Borang ini perlu ditandatangani dan dicop oleh wakil syarikat yang diberikuasa oleh syarikat sebagai penyebut harga. Borang yang tidak bertandatangan dan bercop akan ditolak.

4.3.6 Lampiran F: Surat Akuan Pembida

- 4.3.6.1 Penyebut harga yang merupakan pemilik berdaftar syarikat hendaklah menandatangani surat ini yang menyatakan bahawa ia tidak akan menawar atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak.
- 4.3.6.2 Wakil syarikat yang menandatangani surat ini hendaklah menyertakan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat. Penyebut harga yang gagal mengisi atau mengemukakan surat ini tidak akan dipertimbangkan.

5. PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA (TARIKH TUTUP)

- 5.1 Tawaran Sebut Harga perlu diserahkan secara manual.
- 5.2 Sebut Harga ini **diiklankan pada 10 April 2018 (Selasa) dan ditutup pada 30 April 2018 (Isnin) jam 12.00 tengah hari.** Tawaran Sebut Harga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.
- 5.3 Jabatan Kemajuan Islam Malaysia tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan dokumen-dokumen Sebut Harga yang dihantar kerana hilang semasa dalam perjalanan pos atau penghantaran. Mana-mana tawaran Sebut Harga yang dihantar lewat tidak akan diterima. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung kepada tawaran penyebut harga yang dihantar melalui pos/perkhidmatan *courier*.
- 5.4 Penyebut harga adalah menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan Sebut Harga yang disertainya.
- 5.5 Satu salinan **Tawaran Harga** dan **Tawaran Teknikal** juga hendaklah dikemukakan **secara manual** sebelum waktu dan tarikh tutup yang ditetapkan. **Tawaran Harga** dan **Tawaran Teknikal** termasuk dokumen sokongan berkaitan hendaklah disediakan dalam **dua (2) sampul** yang **berasingan dan berlakri**. Kedua-dua sampul tersebut kemudiannya hendaklah **dimasukkan ke dalam satu (1) sampul surat berlakri** serta dimasukkan ke dalam peti tawaran Sebut Harga sebelum tarikh dan masa Sebut Harga ditutup. **Peti Sebut Harga** berada di **Lobi Pentadbiran, Darul**

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jalan Hamzah, Ampang Pecah, 44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor.

- 5.6 Dokumen yang perlu dimasukkan dalam Sampul **Tawaran Teknikal** adalah seperti berikut:

Bil.	Senarai Lampiran	Keterangan
1.	Lampiran A	Jadual Spesifikasi Teknikal
2.	Lampiran D	Pengalaman Kerja Syarikat dalam bidang berkaitan bagi tempoh 3 tahun (2015 hingga 2017)
3.	Lampiran R	<i>Broucher</i> Cadangan Perkakasan
4.	Lampiran G	Alamat Lokasi Penghantaran
5.	Lampiran S	Cadangan Jadual Pelaksanaan
6.	Lampiran N	Senarai Semak

- 5.6.1 Penyebut harga tidak dibenarkan meletakkan apa-apa nama atau logo yang boleh mengaitkan atau dikenali bagi sesuatu syarikat di setiap helaian atau dalam ruangan untuk diisi pada borang "**Tawaran Teknikal**" sama ada salinan *hardcopy* atau *softcopy*. Ketidakpatuhan ini boleh menyebabkan tawaran penyebut harga **TIDAK DIPERTIMBANGKAN** dan akan **DITOLAK**.

- 5.7 Dokumen yang perlu dimasukkan dalam Sampul **Tawaran Harga** adalah seperti berikut:

Bil.	Senarai Lampiran	Keterangan
1.	Lampiran B	Jadual Harga
2.	Lampiran C	Latar Belakang Syarikat
3.	Lampiran E	Borang Akuan Sebut Harga
4.	Lampiran F	Surat Akuan Pembida
5.	Lampiran H	Profil Syarikat
6.	Lampiran I	Penyata Akaun Bank untuk tiga bulan terkini (Januari, Februari dan Mac 2018) yang telah disahkan oleh pihak bank)
7.	Lampiran J	Borang 24
8.	Lampiran K	Borang 49
9.	Lampiran L	Salinan Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
10.	Lampiran M	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian Kewangan. Jika penyebut harga ada membuat permohonan pembaharuan pendaftaran Kementerian Kewangan, penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan slip/akuan pengesahan pembaharuan pendaftaran dari Kementerian Kewangan

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

Bil.	Senarai Lampiran	Keterangan
		yang menyatakan bahawa permohonan lanjutan telah dibuat.
11.	Lampiran Q	Arahan Perbendaharaan 170
12.	Lampiran N	Senarai semak

6. **PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

- 6.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 6.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 6.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenarai hitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya mana-mana pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 6.4 Mana-mana pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

BAHAGIAN I

SYARAT-SYARAT WAJIB DAN AM SEBUT HARGA

Penyebut harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai Sebut Harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini boleh menyebabkan tawaran Sebut Harga ini tidak dipertimbangkan.

1. **KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI SEBUT HARGA**

- 1.1 Pembekal/syarikat yang hendak menyertai Sebut Harga ini juga hendaklah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang :

222402 – Perkhidmatan Menjahit Bukan Pakaian

- 1.2 Semua borang-borang berhubung dengan Sebut Harga hendaklah ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa oleh penyebut harga. Mana-mana borang yang tidak ditandatangani dan dicop dengan cop penyebut harga tidak akan dipertimbangkan.

- 1.3 Tiada bayaran yang dikenakan bagi dokumen Sebut Harga yang dijana melalui Sistem e-Perolehan.

- 1.4 Penyebut harga **diwajibkan** menyerahkan tawaran Sebut Harga secara manual.

- 1.5 Tawaran Sebut Harga manual mestilah **dimasukkan dalam Peti Sebut Harga Darul Quran yang berada di lobi pentadbiran DARUL QURAN, JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA** dan dialamatkan kepada:

**Pengarah
Darul Quran
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Jalan Hamzah, Ampang Pecah
44000 KUALA KUBU BHARU**

- 1.6 Kegagalan mematuhi mana-mana syarat wajib akan menyebabkan permohonan penyebut harga akan ditolak.

2. **TEMPOH SAHLAKU TAWARAN**

- 2.1 Tempoh sahlaku Sebut Harga ini adalah selama 90 hari bermula daripada tarikh Sebut Harga ditutup.

3. **SETUJU TERIMA SEBUT HARGA**

- 3.1 Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima Sebut Harga yang terendah atau

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

mana-mana Sebut Harga jua pun. Keputusan Sebut Harga adalah muktamad. Kerajaan tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga berkenaan sebab-sebab Sebut Harga mereka tidak berjaya.

- 3.2 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki:
 - 3.2.1 Tidak boleh menolak tawaran. Nama penyebut harga akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan jika penyebut harga menolak tawaran.
 - 3.2.2 Menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Kerajaan Malaysia dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian dan syarat-syarat Sebut Harga.
 - 3.2.3 Penyebut harga juga akan dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya.
- 3.3 Apabila dipersetujui maka sesuatu kontrak hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat di antara Kerajaan dengan penyebut harga dan suatu kontrak akan diadakan untuk persetujuan tersebut.

4. MENARIK BALIK TAWARAN/ MENOLAK TAWARAN

- 4.1 Penyebut harga tidak boleh menarik balik tawaran sebelum Sebut Harga dipertimbangkan atau menolak tawaran setelah Sebut Harga dipertimbangkan ataupun menolak tawaran setelah tawaran dibuat. Jika penyebut harga menarik diri atau menolak tawaran, nama penyebut harga akan dikemukakan kepada pihak berkuasa (Kementerian Kewangan) untuk tindakan selanjutnya.

5. BON PELAKSANAAN

- 5.1 Bagi bekalan/perkhidmatan, pembekal hendaklah mengemukakan bersama-sama dengan Surat Setuju Terima, Bon Pelaksanaan yang nilainya adalah seperti berikut:
 - 5.1.1 Dua setengah peratus (2.5%) daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM200,000.00 hingga RM500,000.00.
 - 5.1.2 Lima peratus (5%) daripada jumlah harga kontrak bagi kontrak bekalan atau perkhidmatan yang bernilai melebihi RM500,000.00.
- 5.2 Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan dalam Ringgit Malaysia dari bank-bank atau institusi-institusi kewangan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan.
- 5.3 Bon pelaksanaan ini hendaklah sah laku tidak kurang daripada dua belas

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

(12) bulan selepas tamat tempoh jaminan. Tempoh bon pelaksanaan mestilah meliputi tempoh jaminan pembekalan Sebut Harga yang dibekalkan.

6. HARGA DAN NILAI KONTRAK

- 6.1 Harga tawaran yang ditawarkan oleh penyebut harga hendaklah dalam Ringgit Malaysia (RM) termasuk semua harga perkakasan, perisian, perkhidmatan, kos penghantaran, latihan dan cukai. Harga ini mestilah sah laku sepanjang tempoh sah laku tawaran Sebut Harga atau satu tempoh lanjutan tawaran.
- 6.2 Jumlah kuantiti perkakasan seperti yang terdapat pada jadual merupakan jumlah anggaran kuantiti bagi setiap perkakasan yang perlu dibekalkan oleh penyebut harga yang berjaya. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berhak mengurangkan atau menambah kuantiti setiap perkakasan tersebut berdasarkan keperluan sebenar dalam tempoh kontrak berkuat kuasa.

7. KAEDAH PEMBEKALAN DAN PENGHANTARAN

- 7.1 Penyebut harga yang berjaya bertanggungjawab untuk membuat penghantaran dalam tempoh yang akan ditentukan kemudian selepas penerimaan Surat Setuju Terima bersama-sama Bon Pelaksanaan. Satu jadual pelaksanaan perlu disediakan dan dipersetujui bersama.
- 7.2 Pihak kerajaan berhak menolak mana-mana bekalan **TIRUAN** dan yang tidak memenuhi spesifikasi ditetapkan. Bekalan yang ditolak hendaklah diganti dengan yang tulen. Penyebut harga akan dikenakan denda lewat jika gagal menyempurnakan pembekalan dalam tempoh yang ditetapkan, kecuali mengemukakan notis sebab-sebab pembekalan terpaksa ditangguhkan disebabkan oleh keadaan di luar kawalan penyebut harga yang boleh diterima oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) seperti rusuhan, kekacauan awam, kebakaran, banjir atau yang seumpama dengannya. Pengiraan denda penghantaran lewat adalah berdasarkan formula seperti yang dinyatakan dalam dokumen kontrak.
- 7.3 Perakuan penerimaan perkakasan yang dibekalkan hanya akan dibuat setelah diperiksa dan disahkan kualiti dan kuantiti. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berhak membuat penolakan terhadap bekalan yang tidak mengikut penentuan teknikal dan kos perbelanjaan yang berkaitan adalah ditanggung oleh penyebut harga.
- 7.4 Perkhidmatan yang akan dibekalkan di bawah sebut harga ini hendaklah dihantar dan dibekalkan pada waktu pejabat di lokasi yang dinyatakan dan hendaklah berdasarkan **Lampiran A - Jadual Spesifikasi Teknikal**. Semua urusan penghantaran hendaklah diuruskan oleh penyebut harga.

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

8. PEMBAYARAN

- 8.1 Pembayaran bagi perkhidmatan ini diuruskan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan akan dibuat berdasarkan kepada invois yang dikemukakan. Penyebutharga yang terpilih sebagai pembekal perlu mengemukakan invois berdasarkan perkhidmatan sebagaimana yang ditetapkan di dalam jadual pelaksanaan perjanjian kontrak untuk proses bayaran. Jumlah yang tercatat di dalam kontrak adalah jumlah maksimum dan jumlah sebenar akan ditentukan oleh kualiti/kuantiti perkhidmatan yang disediakan (termasuk pemotongan di atas ketidakpatuhan kontrak, jika berkaitan).
- 8.2 Pembayaran akan dibuat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam tempoh empat belas (14) hari selepas invois dan dokumen diterima yang disahkan lengkap dan betul.

9. TEMPOH KONTRAK

- 9.1 Tempoh kontrak bagi perkhidmatan ini adalah **enam minggu** bermula daripada tarikh yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima (SST) atau dari tarikh SST ditandatangani oleh penyebut harga yang berjaya.
- 9.2 DARUL QURAN, JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA mempunyai hak untuk menamatkan kontrak pada bila-bila masa apabila penyebut harga yang berjaya gagal memenuhi obligasi kontrak mengikut perjanjian.

10. JAMINAN

- 10.1 Penyebut harga yang berjaya adalah bertanggungjawab untuk **menjahit, membekal, menghantar dan memasang langsir dan railing/trek langsir di asrama Darul Quran** dengan baik dan sempurna. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) boleh menukar mana-mana barangan yang didapati tidak tulen, rosak atau tidak boleh digunakan dan penyebut harga perlu menggantikannya dengan yang baharu.
- 10.2 Penyebut harga tidak akan mengenakan kos tambahan terhadap perkara di atas.

11. PERKHIDMATAN PENGHANTARAN

- 11.1 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menghantar perkakasan ke lokasi penghantaran seperti Lampiran G.
- 11.2 Semua kos penghantaran hendaklah diambil kira dalam harga tawaran.

12. PEMERIKSAAN

- 12.1 Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembekalan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

12.2 Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

13. PENOLAKAN

13.1 Barang-barang yang tidak tulen, rendah mutu, luput tarikh atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui tawarannya akan ditolak.

13.2 Apabila diminta penyebut harga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.

14. PENGIKLANAN

14.1 Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana tawaran boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

15. TAFSIRAN

15.1 Sebut Harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai Sebut Harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

16. BARANG-BARANG EX-STOK ATAU KELUARAN MALAYSIA

16.1 Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai harga bersih termasuk belanja bungkusan, penghantaran dan lain-lain bayaran yang berkaitan.

16.2 Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh kontraktor.

16.3 Hanya pembekal atau pengilang tempatan dibenarkan untuk membekalkan barang-barang tersebut.

17. PENGENALAN

17.1 Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negara tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

18. PEMBATALAN SEBUT HARGA

18.1 Jabatan ini berhak untuk membatalkan Sebut Harga ini pada bila-bila

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

masa, sekiranya diperlukan. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pihak penyebut harga kerana urusan Sebut Harga ini adalah menjadi tanggungjawab penyebut harga dan Jabatan tidak akan bertanggungjawab terhadap perkara tersebut.

19. BUNGKUSAN

19.1 Barang-barang yang dibekalkan kepada Jabatan hendaklah dibungkus dengan sempurna. Penyebut harga juga hendaklah memastikan bahawa pembungkusan tersebut adalah mencukupi untuk mengelakkan sebarang kerosakan atau kemerosotan kualiti barangan semasa perjalanan yang biasa. Sebarang kerosakan atau kemerosotan kualiti mana-mana barangan rosak atau tidak menepati perincian yang disebabkan oleh pembungkusan yang tidak sempurna hendaklah diambil balik oleh penyebut harga dan menggantikannya dengan perbelanjaan sendiri.

20. KEPUTUSAN SEBUT HARGA ADALAH MUKTAMAD

20.1 Jabatan tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dari penyebut harga-penyebut harga. Keputusan mengenai Sebut Harga yang dikeluarkan adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai rayuan keputusan sebutharga ini tidak dilayan.

21. HAL-HAL LAIN

21.1 Penyebut harga yang berjaya disenarai pendek akan diminta membuat taklimat berkaitan produk yang ditawarkan, membentangkan pelan tindakan kerja dan mengadakan demonstrasi contoh aplikasi yang akan dipasang.

21.2 Penyebut harga-penyebut harga yang memerlukan penjelasan lanjut bolehlah berhubung dengan pegawai-pegawai berikut:

Bil	Nama Pegawai	Bahagian	No. Telefon
1.	Cik Najihah Binti Abdullah@Azahari	Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	03-6063 5442
2.	Puan Nurhani Binti Rohaizad	Urusetia Perolehan Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	03-6063 5333

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

BAHAGIAN II

SKOP PERKHIDMATAN

1. Skop Sebut Harga ini ialah untuk Perkhidmatan Menjahit, Membekal, Menghantar dan Memasang Langsir dan Railing/Trek Langsir di Asrama Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
2. Spesifikasi terperinci bagi perkhidmatan yang dinyatakan adalah seperti di dalam **JADUAL SPESIFIKASI TEKNIKAL (Lampiran A)**. Semua spesifikasi teknikal adalah **mandatori**. Kegagalan mengemukakan mana-mana maklumat akan menyebabkan tawaran Sebut Harga ini tidak akan dipertimbangkan.


JADUAL SPESIFIKASI TEKNIKAL

PERKHIDMATAN MENJAHIT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG LANGSIR DAN RAILING/TREK LANGSIR DI ASRAMA DARUL QURAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)


Langsir Berserta *Railing* di Aras 1, Blok Asrama Lelaki A dan B, Darul Quran

Bil	Perkara	Spesifikasi Minima	Kepatuhan		Spesifikasi Pembekal	Catatan
			Ya	Tidak		
1.	Material	i. <i>100% <u>blockout</u> polyester.</i> <i>Completely blocks out light and heat</i> <i>[specially treated with several coats of acrylic and/ or had a special layer woven into the fabric that provides room to total block out from sun and light];</i> DAN				<div style="border: 1px solid black; background-color: yellow; padding: 5px;"> <p>SILA KEMUKA <u>MINIMA 20</u> SAMPLE KAIN 100% BLOCKOUT POLYESTER DENGAN PILIHAN WARNA DAN CORAK SEPerti DI PERKARA 2 DAN 3, berukuran minima 3" x 3" setiap satu (MANDATORI).</p> </div>
		ii. <i>High quality fabric and super soft material.</i>				
2.	Warna	Tona warna yang bersesuaian dengan mahasiswa LELAKI seperti berikut: i. Biru; ii. Hijau; iii. Merah hati (<i>maroon</i>); iv. Coklat; DAN/ ATAU v. Ungu.				



SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

Bil	Perkara	Spesifikasi Minima	Kepatuhan		Spesifikasi Pembekal	Catatan
			Ya	Tidak		
3.	Corak	<i>Plain textured fabric, preferably with 2 colour tones (stripes).</i>				Contoh: 
4.	Design	i. <i>Simple design. Langsir dua (2) keping/ panel, jahitan lurus bagi setiap unit; DAN</i>				Contoh:

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

Bil	Perkara	Spesifikasi Minima	Kepatuhan		Spesifikasi Pembekal	Catatan
			Ya	Tidak		
						 <p>PEMBEKAL DIGALAKKAN SUPAYA KEMUKA SAMPLE LANGSIR YANG TELAH SIAP DIJAHIT yang menunjukkan kualiti jahitan @ <i>workmanship</i>. Sample tidak perlu mengikut ukuran sebenar (BUKAN MANDATORI).</p>
		ii. <i>Pleats: wide triple pleat (curtain</i>				Contoh:



SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

Bil	Perkara	Spesifikasi Minima	Kepatuhan		Spesifikasi Pembekal	Catatan				
			Ya	Tidak						
		<i>heading tape).</i>				i. <u>Depan</u>  ii. <u>Belakang</u> 				
5.	Saiz	Saiz tingkap: <table border="1" data-bbox="415 1208 884 1391"> <thead> <tr> <th>Bilik</th> <th>Saiz*</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bilik Tidur</td> <td>Tinggi (54"-57.5")</td> </tr> </tbody> </table>	Bilik	Saiz*	Bilik Tidur	Tinggi (54"-57.5")				
Bilik	Saiz*									
Bilik Tidur	Tinggi (54"-57.5")									


SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

Bil	Perkara	Spesifikasi Minima		Kepatuhan		Spesifikasi Pembekal	Catatan
				Ya	Tidak		
			Lebar (105"-108")				
		Bilik Rehat (Dorm)	Tinggi (55") Lebar (60")				
		Bilik Rehat (Stor)	Tinggi (55") Lebar (60")				
		Bilik Sakit	Tinggi (55") Lebar (60")				
		Bilik Stor	Tinggi (55") Lebar (60")				
		<p>*Tertakluk ukuran sebenar</p> <p>i. Saiz langsir (siap pasang): Saiz tingkap dan ditambah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 6" di sebelah atas; • 8" di sebelah bawah; • 6" di sebelah kiri; dan • 6" di sebelah kanan. <p>Saiz sebenar tertakluk <i>adjustment</i> di setiap bilik; DAN</p>					

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

Bil	Perkara	Spesifikasi Minima	Kepatuhan		Spesifikasi Pembekal	Catatan
			Ya	Tidak		
		ii. <i>Fabric at least double fullness.</i>				
6.	Aksesori	i. <i>Matching tie backs, permanently attached to the curtain on one side. Finished with button, hook or fabric self adhesive tape;</i>				Contoh: 
		ii. <i>Metal deep curtain hooks (to attach to wide triple pleat tape); DAN</i>				Contoh: 
		iii. <i>Railing/ trek langsir berserta ring: straight single rail (side-</i>				

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

Bil	Perkara	Spesifikasi Minima	Kepatuhan		Spesifikasi Pembekal	Catatan				
			Ya	Tidak						
		<p><i>mounted) side wall.</i></p> <p><i>Panjang rail adalah mengikut ukuran tingkap, dan ditambah 6" di hujung kanan dan 6" di hujung kiri rail.</i></p> <p><i>Kedudukan rail dipasang 6" lebih tinggi dari tingkap.</i></p>				 <div style="border: 1px solid black; background-color: yellow; padding: 5px; margin-top: 10px;"> <p>SILA KEMUKA SAMPLE RAILING/ TREK LANGSIR berukuran minima 5" berserta aksesori yang berkaitan (MANDATORI).</p> </div>				
7.	Kuantiti dan lokasi	<p>Aras 1, Blok Asrama Pelajar Lelaki A dan B, Darul Quran seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #FFD700;">Bilik</th> <th style="background-color: #FFD700;">Unit</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Bilik Tidur</td> <td>92</td> </tr> </tbody> </table>	Bilik	Unit	Bilik Tidur	92				
Bilik	Unit									
Bilik Tidur	92									

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

Bil	Perkara	Spesifikasi Minima		Kepatuhan		Spesifikasi Pembekal	Catatan
				Ya	Tidak		
		Bilik Rehat (Dorm)	13				
		Bilik Rehat (Stor)	4				
		Bilik Sakit	2				
		Bilik Stor	2				
		JUMLAH	113				

Tandatangan:

Nama:

No. Kad Pengenalan:

SKOP HARGA TAWARAN

1. Harga Tawaran hendaklah diisi di dalam ruangan Jadual Tawaran Harga yang disediakan dan hendaklah disahkan dan ditandatangani dengan sempurna oleh pegawai yang diberi kuasa.
2. Takrif perkhidmatan bagi Sebut Harga ini bermaksud untuk mendapatkan perkhidmatan Menjahit, Membekal, Menghantar dan Memasang Langsir and Railing/Trek Langsir di Asrama Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan hendaklah mengikut jadual spesifikasi teknikal yang ditetapkan seperti di **Lampiran A**.
3. Pihak syarikat yang bersetuju menerima tawaran dikehendaki membekalkan perkhidmatan seperti yang ditawarkan.
4. Harga bagi setiap jenis perkhidmatan hendaklah dimasukkan dengan lengkap ke jadual harga mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
5. Dokumen Sebut Harga yang dikemukakan akan disemak oleh pihak Kerajaan bagi setiap ralat/kesalahan aritmetik. Ralat/kesalahan akan dibetulkan oleh Kerajaan berdasarkan perkara berikut:
 - 5.1 Sekiranya terdapat perbezaan di antara amaun di dalam jadual /nombor dengan amaun di dalam perkataan, maka amaun yang dinyatakan dalam perkataan akan diambilkira;
 - 5.2 Sekiranya terdapat perbezaan/ kekeliruan antara kadar unit (*unit rate*) dengan amaun keseluruhan hasil daripada pengiraan bilangan unit dan kuantiti, maka kadar unit yang dinyatakan akan diambil kira melainkan Kerajaan berpendapat terdapat kesalahan yang jelas dalam meletakkan titik perpuluhan (*decimal point*) dalam kadar unit, dalam keadaan tersebut jumlah keseluruhan seperti yang dinyatakan akan diambilkira dan kadar unit akan dibetulkan; dan
 - 5.3 Amaun yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga akan dipinda oleh Kerajaan berdasarkan prosedur pembetulan kepada ralat/ kesalahan yang dinyatakan di atas. Sekiranya penyebut harga tidak menerima pembetulan yang telah dibuat oleh Kerajaan, maka Dokumen Sebut Harga yang dikemukakan akan ditolak.
6. Penyebut harga hendaklah mengambil kira kadar fi perkhidmatan dalam menawarkan harga iaitu setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak kosong perpuluhan lapan peratus (0.8%) dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak kosong perpuluhan empat peratus (0.4%) dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

(Perenggan 4 SPP Bil 2 Tahun 2013) dan GST 6%.

7. Harga-harga yang ditawarkan adalah termasuk keseluruhan kos yang terlibat dalam Sebut Harga ini daripada bekalan dan penghantaran.
8. Harga-harga yang ditawarkan dalam Sebut Harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas Sebut Harga ini ditutup. Penyebut harga yang berjaya ditawarkan Sebut Harga ini hendaklah mematuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

JADUAL HARGA**PERKHIDMATAN MENJAHIT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG LANGSIR DAN RAILING/TREK LANGSIR DI ASRAMA DARUL QURAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

Bil.	Perihal bekalan/ perkhidmatan dan Syarat-SyaratKhas	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan		Untuk diisi oleh PenyebutHarga		
1.	PERKHIDMATAN MENJAHIT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG LANGSIR DAN RAILING/TREK LANGSIR DI ASRAMA DARUL QURAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) Spesifikasi seperti di Lampiran A	113		
			JUMLAH

PERAKUAN PENYEBUT HARGA

Saya mengesahkan jumlah keseluruhan harga Sebut Harga ialah sejumlah Ringgit Malaysia:.....

iaitu RM

Bertarikh padaharibulan 2018.

Tandatangan:

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat:

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

LAMPIRAN Q

(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

No. Sebut Harga
Jakim (B) Bil. 6/2018

(Kew. 284-Pin. 5/94)

**KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN**

**SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN MENJAHIT, MEMBEKAL, MENGHANTAR
DAN MEMASANG LANGSIR DAN RAILING/TREK LANGSIR DI ASRAMA DARUL QURAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat):	 	Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan (Alamat Lengkap): Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Jalan Hamzah, Ampang Pecah 44000 KUALA KUBU BHARU
No. Telefon :		No. Telefon: 03-6063 5333
No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan:	 	Tarikh:
Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini: 222402	 	

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan: **(Sila lihat Arahan kepada Penyebut Harga)**

1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki : **6 minggu**

1.3 Arahan pengiriman: **Urus Setia Perolehan
Darul Quran**

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Jalan Hamzah, Ampang Pecah
44000 KUALA KUBU BHARU

- 1.4 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga: **Jakim (B) Bil. 6/2018**.
- 1.5 Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada **jam 12.00 tengah hari, 30 April 2018**
- 1.6 Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.



Tarikh: 10 April 2018

Tandatangan:
Nama Pegawai: Dr Nordin bin Ahmad
Jawatan: Pengarah Darul Quran

Bil.	Perihal bekalan/ perkhidmatan dan Syarat-Syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebut Harga	
	PERKHIDMATAN MENJAHIT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG LANGSIR DAN RAILING/TREK LANGSIR DI ASRAMA DARUL QURAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA				
				JUMLAH	

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/ penyempurnaan ialah enam minggu

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan ~~bekalan~~ perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebut Harga:
Nama dan K/P:
Alamat Syarikat:

Tarikh :

Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PERSETUJUAN

Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

(i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan

(ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

8. PENOLAKAN

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebutharga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA

MAKLUMAT LATAR BELAKANG PENYEBUT HARGA

1. Nama Syarikat Penyebut harga

2. Alamat Pejabat:

No. Telefon : _____ No. Fax : _____

Email : _____

3. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia

(Sertakan Salinan Sijil Pendaftaran)

i) No. Pendaftaran : _____

ii) Tarikh Daftar : _____ sah hingga _____

iii) Kod Bidang /Tajuk Kecil : _____

iv) Taraf (Bumiputera/Bukan Bumiputera): _____

v) Jika Bumiputera tempoh sah taraf dari _____ hingga _____

4. Bagi Syarikat Sdn. Bhd. atau Perseorangan (Nyatakan)

i) Modal dibenarkan : RM _____

ii) Modal dibayar : RM _____

5. Perniagaan utama lain, jika ada :

a) _____ sejak _____

b) _____ sejak _____

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

6. Buatan Dalam Malaysia (Jika berkaitan)

Sebutkan samada barang-barang yang hendak dibekalkan itu dibuat dalam Malaysia atau di Luar Malaysia

7. Bilangan Pekerja berkaitan Sebut Harga ini: _____

Pengurusan : _____

Profesional : _____

Sokongan : _____

8. Ahli-Ahli Syarikat:

Nama	Jawatan	Peratus Pegangan Saham (%)

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

a) Ahli-ahli Lembaga Pengarah

Nama	Jawatan	Peratus Pegangan Saham (%)

b) Ahli-ahli Pengurusan dan Profesional

Bil	Kategori Jawatan	Bilangan Pekerja
1	Pengurusan	
2	Pemasaran	
3	Teknikal	
4	Sokongan	
5	Lain-lain (Nyatakan): i) ii)	

9. DATA-DATA KEWANGAN

9.1 Ringkasan harta dan liabiliti seperti yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan (Balance Sheet)* yang diaudit bagi tahun kewangan terakhir.

Asset* (A)	Liabiliti* (B)	Nilai Kewangan (Worth) (A – B)
Semasa : RM Tetap : RM Jumlah : _____	Semasa : RM Tetap : RM Jumlah : _____	Semasa : RM Tetap : RM Jumlah : _____

9.2 Akaun Wang Di Tangan (Cash in hand) - _____

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

- * Sila sertakan salinan **penyata Bulanan Bank tiga (3) bulan terakhir yang telah disahkan oleh bank (Januari, Februari dan Mac 2018)**. Sebut harga yang tidak disertakan dengan penyata ini **akan ditolak**.

9.2.1 Nama dan alamat bank di mana akaun dibuka:

9.2.2 No akaun bank: _____

9.3 Kemudahan Kredit bagi Sebut Harga ini. (**Sila sertakan salinan surat daripada bank/ insititusi kewangan terlibat dan diakui sah**)

9.3.1 Nama dan alamat Bank/ Institusi kewangan yang memberi kemudahan kredit:

9.3.2 Bentuk dan baki amaun yang boleh digunakan untuk Sebut Harga ini:

- | | | |
|------|---|----------|
| i. | Overdraf atau Talian Kredit | RM |
| ii. | Overdraf bercagar | RM |
| iii. | Pinjaman Tetap Yang akan/ Layak diperolehi untuk projek ini | RM |
| iv. | <u>JUMLAH KESELURUHAN</u> | RM |

10. No. Cukai Pendapatan :

Peringatan Penting :

** Sila sertakan salinan **penyata Bulanan Bank tiga (3) bulan terakhir (Januari, Februari dan Mac 2018)** yang telah disahkan oleh bank sebelum tarikh tutup Sebut Harga. Sebut Harga yang tidak disertakan dengan penyata ini **akan ditolak**.

REKOD PENGALAMAN PERKHIDMATAN/BEKALAN BERKAITAN

(Senarai semua bekalan dan perkhidmatan berkaitan yang telah/ sedang dilaksanakan dalam tempoh 2015 - 2017)

Bil.	Nama Perkhidmatan/ Bekalan	Nilai Kontrak (RM)	Tempoh Kontrak	Tarikh Tempoh kontrak		Nama & Alamat Agensi
				Tarikh Mula	Tarikh Kontrak tamat	

* Sila kemukakan lampiran sekiranya ruangan di atas tidak mencukupi

Nama:

.....

Tandatangan:

.....

Jawatan:

.....

Tarikh:

.....

BORANG AKUAN SEBUT HARGA

Pengarah
Darul Quran
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Jalan Hamzah, Ampang Pecah
44000 KUALA KUBU BHARU, SELANGOR

Tuan,

PERKHIDMATAN MENJAHIT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG LANGSIR DAN RAILING/TREK LANGSIR DI ASRAMA DARUL QURAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Syarikat

.....
mengambil bahagian dalam **PERKHIDMATAN MENJAHIT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG LANGSIR DAN RAILING/TREK LANGSIR DI ASRAMA DARUL QURAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA.**

2. Syarikat sebagai penyebut harga dengan ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan syarat-syarat Sebut Harga, kontrak dan spesifikasi teknikal yang terkandung di dalam dokumen Sebut Harga. Penyebut harga juga telah memahami bahawa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia berhak menerima atau menolak Sebut Harga ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan harga tawaran-tawaran lain.

3. Penyebut harga mengakui bahawa semua kenyataan yang diberikan adalah benar dan jika sekiranya mana-mana kenyataan yang tidak benar penyebut harga bersedia diambil tindakan oleh pihak Kerajaan.

4. Penyebut harga bersetuju bahawa sah laku harga Sebut Harga yang ditawarkan ini selama sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup Sebut Harga. Dalam tempoh tersebut penyebut harga tidak boleh menarik diri daripada tawaran ini.

5. Selanjutnya sekiranya tawaran Sebut Harga ini diterima, penyebut harga akan mengikat suatu kontrak serta memberi bon pelaksanaan dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh terima surat tawaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

6. Kami yang bertandatangan di bawah ini juga bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat am dan wajib yang dinyatakan dalam Dokumen Sebut Harga (Syarat-Syarat Am dan wajib Sebut Harga). Harga yang dinyatakan seperti di Lampiran B (Jadual Harga) akan dijadikan asas penilaian bayaran untuk perkhidmatan dan perbekalan tersebut.

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

Ditandatangani oleh:

Tandatangan:

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Jawatan:

Cop/Alamat Syarikat:

Tarikh:

Disaksikan oleh:

Tandatangan:

Nama:

No Kad Pengenalan:

Tarikh:

SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

(SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL. 6/2018 - PERKHIDMATAN MENJAHIT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG LANGSIR DAN RAILING/TREK LANGSIR DI ASRAMA DARUL QURAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Saya,nombor K.P. yang mewakili Nombor Pendaftarandengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut Harga/Sebut Harga* seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut Harga/Sebut Harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi Sebut Harga/Sebut Harga* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi Sebut Harga/Sebut Harga* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam Sebut Harga/Sebut Harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama:

No KP:

Cop Syarikat :

Catatan: i) * Potong mana yang tidak berkaitan.

ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa.

LOKASI PENGHANTARAN

**PERKHIDMATAN MENJAHIT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG LANGSIR
DAN RAILING/TREK LANGSIR DI ASRAMA DARUL QURAN JABATAN KEMAJUAN
ISLAM MALAYSIA**

BIL	LOKASI	ALAMAT & NO TELEFON
1	Lobi Pentadbiran DARUL QURAN, JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA	DARUL QURAN, JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA Jalan Hamzah, Ampang Pecah 44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor Darul Ehsan. (U.P: Puan Najihah binti Abdullah @ Azahari) TEL : 03-60635442

PROFIL SYARIKAT

Penyata Akaun Bank Bagi Bulan Januari, Februari dan Mac 2018

BORANG 24

BORANG 49

Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia

***Broucher* Cadangan Perkakasan**

Cadangan Jadual Perkakasan

SENARAI SEMAK**DOKUMEN SEBUT HARGA – BAGI PERKHIDMATAN MENJAHIT, MEMBEKAL, MENGHANTAR DAN MEMASANG LANGSIR DAN RAILING/TREK LANGSIR DI ASRAMA DARUL QURAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

Sila tandakan (√) bagi dokumen – dokumen yang disertakan:

Bil	Perkara/ Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
DOKUMEN HARGA			
1.	Lampiran B - Jadual Harga Sebut Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Lampiran C - Latar Belakang Syarikat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Lampiran E - Borang Akuan Sebut Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	Lampiran F - Surat Akuan Pembida	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Lampiran H - Profil Syarikat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Lampiran I - Penyata Kewangan untuk tiga bulan terkini (Januari, Februari dan Mac 2018 yang telah disahkan oleh pihak bank)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

Bil	Perkara/ Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
7.	Lampiran J - Borang 24	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Lampiran K - Borang 49	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Lampiran L - Salinan Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10.	Lampiran M - Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11.	Lampiran N - Senarai Semak	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12.	Lampiran Q - ARAHAN PERBENDAHARAAN 170	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
DOKUMEN TEKNIKAL			
1.	Lampiran A - Jadual Pematuhan Spesifikasi/ Spesifikasi Teknikal	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Lampiran D - Pengalaman Kerja Syarikat dalam bidang berkaitan (dari tahun 2015 hingga 2017)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Lampiran G - Jadual Lokasi Penghantaran	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

SEBUT HARGA JAKIM (B) BIL.6/2018

Bil	Perkara/ Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
4.	Lampiran R - <i>Broucher</i> Cadangan Perkakasan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Lampiran S - Cadangan Jadual Pelaksanaan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Lampiran N - Senarai Semak	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>		<p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(jika ada).</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p> <p>Tandatangan:</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan:</p> <p>Tarikh:</p>	